

KEPADA SEMUA KAKITANGAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

SUKACITA dimaklumkan bahawa Universiti Utara Malaysia (UUM) sedang dalam proses memperkenalkan semula Skim Takaful Rawat untuk kakitangan Universiti.

Cadangan ini telah dibincangkan dengan Persatuan Kakitangan Universiti dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti. Skim ini dicadangkan dipanjangkan kepada tanggungan kakitangan (suami/isteri dan anak-anak). Universiti akan menanggung perbelanjaan premium untuk staf dan staf boleh memilih untuk menyertakan tanggungannya dalam skim ini tetapi dengan pembiayaan sendiri.

Berdasarkan plan yang ditawarkan, pihak insuran memerlukan maklumat bilangan penyertaan oleh tanggungan staf supaya plan ini dapat dilaksanakan seperti dicadangkan.

Maklumat plan yang ditawarkan, kadar premium dan had maksima perlindungan adalah seperti jadual di bawah. Maklumat ini adalah berdasarkan harga dan perlindungan oleh Syarikat yang memenuhi keperluan spesifikasi skim.

	PLAN 1 (RM90)	PLAN 2 (RM150)	PLAN 3 (RM250)
Staf	296.80 (24.73/bulan)	453.68 (37.80/bulan)	704.90 (58.74/bulan)
Isteri	445.20 (37.10/bulan)	680.52 (56.71/bulan)	1,057.35 (88.11/bulan)
Anak	445.20 (37.10/bulan)	680.52 (56.71/bulan)	1,057.35 (88.11/bulan)
Keluarga	890.40 (74.20/bulan)	1,361.04 (113.42/bulan)	2,114.70 (176.22/bulan)
Perlindungan Setahun	10,000.00/Seorang	20,000.00/Seorang	30,000.00/Seorang

Sebagai makluman, pihak universiti telah bersetuju untuk membiayai kadar premium untuk staf sahaja tertakluk kepada premium bagi Plan 1. Skim Takaful ini juga boleh dipanjangkan kepada tanggungan staf (suami/isteri/anak-anak) tetapi baki premium setelah ditolak kadar premium untuk staf bagi Plan 1, adalah ditanggung oleh staf sendiri. Perlindungan untuk tanggungan staf ini hanya boleh dipanjangkan sekiranya mendapat penyertaan melebihi kadar 50% jumlah tanggungan semua staf.

Staf boleh memilih mana-mana plan mengikut kadar bilik semalam di hospital swasta (RM90, RM150, RM250) tetapi pihak universiti hanya menanggung sehingga maksimum mengikut kadar premium Plan 1 (RM296.80) bagi staf sahaja. Plan untuk tanggungan adalah mengikut plan yang dipilih staf.

Selain itu, syarat-syarat dibawah skim ini ialah:

A: STAF

- Memberi perlindungan kepada penyakit sedia ada
- Memberi perlindungan kepada semua jenis penyakit
- Boleh membuat tuntutan sebaik sahaja menyertai skim ini.